

WAQAF JIBRIL MENURUT PERSPEKTIF QURRA': SUATU KAJIAN KUALITATIF

Muhd Thoriq Asshiddiq Bin Che Ahmad
Mat Rani Bin Abdul Manaf

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS)

Abstrak

Waqaf Jibril salah satu nama waqaf yang tidak asing lagi bagi penuntut dan pencinta ilmu bacaan al-Quran, ada yang mengatakan terdapat 10 tempat dan ada juga yang mengatakan 17 tempat waqaf yang digelar Waqaf Jibril tetapi status dan kedudukannya dalam pembacaan al-Quran terdapat perbincangan di sisi Qurra' antara yang menyarankan dan yang menghalang pengamalan waqaf padanya. Objektif kajian ialah mengetahui keabsahan Waqaf Jibril yang dikatakan waqaf sunnah. Kajian dijalankan dengan dibuat semakan serta penelitian terhadap pandangan-pandangan Qurra' mengenai Waqaf Jibril secara umum kemudian diteruskan dengan kajian mendalam setiap satu tempat Waqaf Jibril yang terdapat dalam al-Quran. Kaedah yang digunakan penyelidikan secara penelitian untuk mengumpulkan data yang didasarkan pada latar ilmiah. Dapatan kajian mengenalpasti bahawa Waqaf Jibril secara umumnya tidak mempunyai rantaian sanad yang jelas sehingga membolehkan ia disandarkan kepada Nabi S.A.W melainkan ia lebih kepada suatu yang bersifat ilmu peribadi. Selain itu, dapat dikenal pasti juga keabsahannya dengan mengkaji setiap tempat-tempat yang didakwa Waqaf Jibril menurut perspektif Qurra'.

Kata Kunci: Waqaf Jibril, Qurra'.

Pengenalan

Dalam mencapai ketepatan dalam pembacaan al-Quran selain dari memperbaiki sebutan setiap huruf al-Quran, memberhentikan bacaan atau waqaf pada tempat yang betul juga merupakan suatu tuntutan. Perkara ini ditegaskan oleh Ali ibn Abi Talib r.a. bila ditanya tentang maksud membaca al-Quran dengan *Tartil* (الترتيل), beliau menjawab: -

“هُوَ تَجْوِيدُ الْحُرُوفِ وَمَعْرِفَةُ الْوُقُوفِ”

“Mengelokkan setiap huruf dan mengetahui tempat berhenti”¹

Para Ulama’ terdahulu amat mentingkan ilmu ini, kerana *waqaf* dan *ibtida’* pada sesuatu ayat itu merupakan suatu yang amat penting dijaga oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat r.a. Ini kerana *waqaf* dan *ibtida’* pada tempat yang betul akan membawa kepada maksud yang jelas dan menepati kehendak ayat.

Ibnu ‘Umar r.a. mengumpamakan orang yang tidak mengendahkan bacaan al-Qurannya dengan membiarkan bacaannya penuh dengan kesalahan dan tidak menyempurnakan tempat waqaf yang sepatutnya seperti: “orang memilih-milih untuk makan tamar yang elok dengan merasanya sedikit, apabila didapati tamar itu tidak elok maka ia pun meludahnya” (yakni hanya mengikut selera hati dalam pembacaan).²

Satu perkara yang menjadi syarat para Qurra’ terdahulu dalam mengijazah bacaan kepada muridnya ialah kemahiran mereka tentang *waqaf* dan *ibtida’*. Mereka akan menyuruh murid mereka *waqaf* pada ayat tertentu dan menunjukkan tempat-tempat berhenti itu dengan jari mereka. Begitulah sunnah yang mereka diwarisi dari guru-guru mereka yang terdahulu dalam mempelajari ilmu ini.³ Ibn al-Jazari yang mendapat julukan *Syaikhul Qurra’* juga menetapkan dalam pembacaan al-Quran tidak cukup sekadar mempelajari Ilmu Tajwid, bahkan perlu disertakan Ilmu Waqaf dan Ibtida’:

“وَبَعْدَ تَجْوِيدِكَ لِلْحُرُوفِ # لَا بُدَّ مِنْ مَعْرِفَةِ الْوُقُوفِ”

“Dan selepas memperelokkan akan huruf-huruf # tidak dapat tidak daripada pengetahuan tempat-tempat waqaf”⁴

Oleh sebab itu, Ilmu Waqaf dan Ibtida’ menjadi ilmu yang penting dalam pembacaan ayat suci al-Quran al-Karim. Adakala ulama’ meletakkan ilmu ini bab daripada bab-bab Ilmu Tajwid kerana kaitannya dengan kemahiran pembacaan al-Quran serta kewajipan Ilmu Tajwid membawa kepada kewajipan Ilmu Waqaf dan Ibtida’. Tetapi ada juga ulama’ yang membahasnya dengan panjang lebar dengan menyentuh setiap tempat daripada jenis-jenis

¹ Lihat التمهيد, oleh Ibn al-Jazari, m/s: 60.

² Lihat النشر, oleh Ibn al-Jazari, Jilid 1, m/s: 177.

³ Ibid النشر, Jilid 1, m/s: 177-178.

⁴ Lihat المقدمة الجزرية, oleh Ibn al-Jazari, bait: 73.

waqaf yang terdapat dalam al-Quran serta mendatangkan ijtihad baru dalam melengkapkan ilmu ini menjadikan ia ilmu yang berasingan.

Pengetahuan mengenainya daripada tempat *waqaf* dan *ibtida'* merupakan hiasan kepada bacaan, sampai maksud yang dikehendaki, faham orang yang mendengar bacaan, kebanggan bagi yang mahir, mengetahui beza kalimah yang mempunyai dua makna.

Definisi Waqaf

Waqaf (الوقف) menurut bahasa: berhenti atau menahan.

Menurut Istilah: Menghentikan bacaan dengan cara memutuskan suara di akhir kalimah sekejap dengan bernafas padanya secara biasa serta niat akan menyambung bacaan semula.¹

Pembahagian Waqaf

Waqaf terbahagi kepada empat jenis seperti berikut:

- 1) Waqaf Ikhtibari (الوقف الإختباري) : waqaf pada sesuatu kalimah kerana diniatkan ujian yang terkait dari sudut *Rasm Uthmani* menerangkan samada terputus atau bersambung, dihapus atau dikekalkan huruf mad, ditulis dengan *Ta' Marbutah* atau *Ta' Maftuhah*, termasuk juga pembaca ingin memberi tahu cara waqaf pada kalimah tertentu.²

Sebagai contoh: Boleh waqaf pada kalimah *في* yang ditulis bercerai dengan *ما* dalam ayat:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ فِي مَا هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ﴾ [الزمر: 3]

Tetapi tidak boleh waqaf pada kalimah *في* yang bersambung dengan kalimah *ما* pada ayat:

﴿إِنَّ الَّذِينَ تَوَفَّيْتَهُمُ الْمَلَائِكَةُ ظَالِمِي أَنفُسِهِمْ قَالُوا فِيمَ كُنْتُمْ﴾ [النساء: 97]

Ini kerana tulisan *Rasm Uthmani* merupakan *tauqifi* yang perlu dipatuhi.

¹ Lihat هداية القاري, oleh al-Murshofi, jld 1, m/s: 381.

² Ibid.

Hukum Waqaf Ikhtibari: Harus dengan syarat mengulang kembali kalimah yang diwaqafkannya atau kalimah sebelumnya untuk menyempurnakan maksud dari ayat tersebut jika tidak sesuai *ibtida'* dengan kalimah selepasnya.

- 2) Waqaf Idhtirari (الوقف الاضطرابي) : waqaf yang datang kepada pembaca dengan sebab terdesak untuk berhenti bacaan seperti kurang nafas, bersin, gagap, lupa dan sebagainya.

Hukum Waqaf Idhtirari: Harus bagi pembaca yang waqaf dimana-mana sahaja kerana sebab terdesak walaupun tidak sempurna makna. Apabila hilang sebab terdesak itu mestilah mengulang kembali menyebut kalimah yang diwaqafkannya atau kalimah sebelumnya bagi menyempurnakan maksud ayat bacaannya itu jika tidak sesuai *ibtida'* dengan kalimah selepasnya.

- 3) Waqaf Intizari (الوقف الانتظاري) : waqaf pada sesuatu kalimah dengan tujuan mengulangi/mencukupkan wajah-wajah qiraat yang ada dalam kalimah itu atau potongan ayat itu ketika bacaan jamak qiraat.¹

Ia hanya dilakukan oleh penuntut ilmu dalam bidang Qiraat. Mereka membaca satu ayat dengan pelbagai wajah qiraat sehingga habis khilaf qiraat yang ada dalam ayat tersebut dengan pemerhatian dan tunjuk ajar dari guru mereka secara *talaqqi* dan musyafahah. Jika ayat itu terlalu panjang, ia memerlukan kemahiran untuk waqaf pada kalimah yang sesuai, kemudian diulang dengan wajah qiraat yang lain sehingga selesai. Kemudian barulah disambung dengan potongan ayat yang berbaki itu.

Sebagai contoh: waqaf pada kalimah عليهم pertama, sedangkan ada ulama' yang melarangnya:

﴿صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ / غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ﴾ [الفاتحة: 7]

Kemudian mengulangi potongan ayat itu sehingga selesai wajah qiraat yang ada, barulah di teruskan bacaan potongan ayat selepasnya dengan cara yang sama.

¹ Lihat المنح الفكرية, ms 63.

Hukumnya: Harus seperti Waqaf Ikhtibari.

- 4) Waqaf Ikhtiyari (الوقف الاختياري) : waqaf yang boleh dibuat pilihan oleh pembaca dengan tanpa sebab-sebab yang telah disebut sebelum ini.

Ulama' telah membahagikan waqaf ini kepada beberapa bahagian, tetapi khilaf pada bilangannya. Paling sedikit ada yang membahaginya kepada dua sahaja: *waqaf tam & waqaf qabih*. Dan yang paling banyak membahaginya kepada lapan: *tam, hasan, kafi, soleh, mafhum, jaiz, bayan* dan *qabih*.¹

Kebanyakan ulama' berpegang dengan pendapat ad-Dani & Ibn al-Jazari yang mengatakan Waqaf Ikhtiyari terbahagi kepada empat (4) bahagian: *tam, kafi, hasan* dan *qabih*.² Perinciannya adalah seperti berikut:

- i. Waqaf Tam (الوقف التام) : menurut bahasa iaitu perhentian yang sempurna.

Menurut istilah pula adalah waqaf yang terjadi pada kalimat yang sudah sempurna maknanya (kisah) dan kalimat itu tidak ada kaitannya dengan kalimat selepasnya (*i'rab*).

Contoh: [البقرة: 5] ﴿وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ﴾

Hukumnya: Harus waqaf dan harus ibtida' pada kalimah selepasnya.

- ii. Waqaf Kafi (الوقف الكافي) : menurut bahasa iaitu berarti perhentian yang cukup.

Menurut istilah pula adalah waqaf yang terjadi pada kalimat yang belum sempurna maknanya (kisah) tetapi kalimat itu tidak ada kaitannya dengan kalimat selepasnya (*i'rab*).

Contoh: [النساء: 41] ﴿وَجِئْنَا بِكَ عَلَىٰ هَٰؤُلَاءِ شَهِيدًا﴾

Hukumnya: Harus waqaf dan harus ibtida' pada kalimah selepasnya.

¹ Lihat المقصد, Zakaria Ansori, ms 5-6.

² Lihat المكتفى, ad-Dani, ms 18. المقدمة الجزرية, Ibn al-Jazari, bait 75-77.

- iii. Waqaf Hasan (الوقف الحسن) : menurut bahasa iaitu berarti perhentian yang baik.

Menurut istilah pula adalah waqaf yang terjadi pada kalimat yang belum sempurna maknanya (kisah) dan kalimat itu masih ada kaitannya dengan kalimat selepasnya (*i'rab*) tetapi memberi faedah.

Contoh: [2] الفاتحة: ﴿ الْحَمْدُ لِلَّهِ ﴾

Hukumnya : Harus waqaf tetapi mesti mengulangi untuk ibtida' pada kalimah sebelumnya, melainkan ianya adalah *ra's ul-Ayah* (hujung ayat).

- iv. Waqaf Qabih (الوقف القبيح) : menurut bahasa iaitu berarti perhentian yang

buruk. Menurut istilah pula adalah waqaf yang terjadi pada kalimat yang belum sempurna maknanya (kisah) dan kalimat itu masih ada kaitannya dengan kalimat selepasnya (*i'rab*) serta tidak memberi faham dan faedah.

'Alam ul-Din as-Sakhawi mentakrifkan waqaf qabih dengan kata: “yang tidak memberi faham pada kalam atau difahami daripadanya kehendak yang lain”.¹

Contoh: [2] الفاتحة: ﴿ الْحَمْدُ ﴾ kerana ia tidak memberi faham.

[18] آل عمران: ﴿ شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ﴾ kerana difahami kehendak yang lain.

Hukumnya: Tidak boleh waqaf melainkan kerana datang sebab terdesak tetapi wajib mengulangi untuk ibtida' pada kalimah sebelumnya.²

Waqaf Jibril

Waqaf Jibril merupakan waqaf yang sering dipelajari oleh penuntut ilmu al-Quran al-Karim, dan ia dimuatkan dalam banyak karangan ulama' terdahulu dan kini menunjukkan kemasyhurannya.

Waqaf Jibril ialah waqaf yang disandarkan kepada malaikat Jibril a.s. semasa beliau membacakan al-Quran pada Nabi s.a.w. Ia juga dikenali dengan “*waqaf nabawi, waqaf sunnah, waqaf itba* ”. Manakala tempat-tempat Waqaf Jibril dalam al-Quran, terdapat perbezaan dalam

¹ Lihat جمال القراء, jld.2 ms 563.

² Lihat المكتفى, ms 112.

nukilan ulama', ada yang mengatakan ianya 10 tempat dan ada yang mengatakan 17 tempat. Berikut disenaraikan tempat-tempat Waqaf Jibril berdasarkan 3 kitab utama rujukan dalam bab ini:

- 1) Kitab *Manar il-Huda fi Bayan il-Waqfi wa libtida* (منار الهدى في بيان الوقف والابتدا) :

Pengarang kitab ini al-Asymuni (w: dalam 1100H) menuliskan kata-kata as-Sakhawi seperti berikut:¹

قال السخاوي: ينبغي للقارئ أن يتعلم وقف جبريل، فإنه كان يقف في سورة آل عمران عند قوله
صَدَقَ اللَّهُ، ثم يبتدئ ...

Kemudian menyenaraikan tempat-tempat Waqaf Jibril:

1	﴿قُلْ صَدَقَ اللَّهُ﴾ [آل عمران: 95]
2	﴿وَلِكُلِّ وَجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيَهَا فَاسْتَبِقُوا الْحَيِّرَاتِ﴾ [البقرة: 148]
3	﴿وَلَا كِن لِّبُلُوكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ فَاسْتَبِقُوا الْحَيِّرَاتِ﴾ [المائدة: 48]
4	﴿قَالَ سُبْحَانَكَ مَا يَكُونُ لِي أَنْ أَقُولَ مَا لَيْسَ لِي بِحَقِّ﴾ [المائدة: 116]
5	﴿قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ﴾ [يوسف: 108]
6	﴿كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ﴾ [الرعد: 17]
7	﴿وَالأَنْعَمَ خَلَقَهَا﴾ [النحل: 5]
8	﴿أَفَمَنْ كَانَ مُؤْمِنًا كَمَنْ كَانَ فَاسِقًا﴾ [السجدة: 18]
9	﴿ثُمَّ أَدْبَرَ يَسْعَى﴾ [النازعات: 22-23]
10	﴿لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ﴾ [القدر: 3]

Dan pada akhir nukilan dinyatakan seperti berikut:

فكان صَلَّى اللهُ عليه وسلَّم يتعمد الوقف على تلك الوقوف، وغالبها ليس رأس آية، وما ذلك إلا لعلم لديني علمه من علمه وجهله من جهله، فاتباعه سنة في جميع أقواله وأفعاله².

¹ Lihat منار الهدى ms 8.

² Lihat منار الهدى ms 8.

Bermaksud: “Sesungguhnya Rasulullah s.a.w selalu waqaf pada tempat-tempat waqaf ini (Waqaf Jibril) dan kebanyakannya bukanlah *Ra’s ul-Ayah* (hujung ayat), tiadalah ia melainkan ilmu Ladunni mengetahuinya orang yang diberi pengetahuan dan menjahilnya orang yang tidak diberi pengetahuan, maka mengikutinya adalah sunnah pada segala percakapan dan perbuatan”.

2) Kitab *Insyirah al-Sudur* (انشراح الصدور) yang dikarang pada 1311H:

Pengarang kitab ini Syekh Wahbah Surur al-Mahalli menambah 7 tempat lagi menjadikannya 17 tempat Waqaf Jibril:

11	﴿أَكَانَ لِلنَّاسِ عَجَبًا أَنْ أَوْحَيْنَا إِلَى رَجُلٍ مِّنْهُمْ أَنْ أَنْذِرِ النَّاسَ﴾ [يونس: 2]
12	﴿وَلَا يَحْزَنكَ قَوْلُهُمْ﴾ [يونس: 65]
13	﴿وَلَقَدْ نَعَلْنَا أَنَّهُمْ يَقُولُونَ إِنَّمَا يُعَلِّمُهُ بَشَرٌ﴾ [النحل: 103]
14	﴿وَكَذَلِكَ حَقَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّهُمْ أَصْحَابُ النَّارِ﴾ [غافر: 6]
15	﴿وَإِذْ قَالَ لُقْمَنُ لِأَبْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ﴾ [لقمان: 13]
16	﴿تَنْزِيلُ الْمَلَكَةِ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِنْ كُلِّ أَمْرٍ﴾ [القدر: 4]
17	﴿فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَأَسْتَغْفِرْهُ﴾ [النصر: 3]

3) Kitab *al-Rehlah al-I'yasyiyah* (الرحلة العياشية):

Pengarang kitab ini Abu salim al-I'yasyi dikalangan ulama' kurun 11H pula menyenaraikan 17 tempat Waqaf Jibril berbeza dengan yang telah disebut, beliau menggantikan 4 tempat berikut:

	Dibuang	Diganti
1	﴿قُلْ صَدَقَ اللَّهُ﴾ [آل عمران: 95]	﴿وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ﴾ [البقرة: 197]
2	﴿أَنْ أَقُولَ مَا لَيْسَ لِي بِحَقِّ﴾ [المائدة: 116]	﴿وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ﴾ [آل عمران: 7]
3	﴿أَفَمَنْ كَانَ مُؤْمِنًا كَمَنْ كَانَ فَاسِقًا﴾ [السجدة: 18]	﴿مِنْ أَجْلِ ذَلِكَ﴾ [المائدة: 32]

4	﴿وَلَا يَحْزُنكَ قَوْلُهُمْ﴾ [يونس: 65]	﴿قُلْ إِي وَرَبِّي إِنَّهُ لِحَقٌّ﴾ [يونس: 53]
---	--	---

Pandangan Qurra' Pada Waqaf Jibril

Qurra' ialah kata jamak daripada *Qari* yang bermaksud pembaca. Yang dikehendaki di sini ialah ahli yang mahir dalam pembacaan al-Quran al-Karim dikalangan ulama' yang memahami bahasa arab serta selok-belok ilmu Waqaf dan Ibtida'.

Pada bab ini akan dibentangkan pandangan *Qurra'* dalam kitab mereka bagi setiap satu daripada tempat waqaf yang dikatakan Waqaf Jibril. Kajian ini hanya membataskan kepada 4 kitab yang paling masyhur sahaja dalam ilmu Waqaf dan Ibtida':

- 1) *I'lal al-Wuquf* karangan **Muhammad ibn Toifur al-Sajawandy**
- 2) *Al-Muktafa fi al-Waqf wa al-Ibtida'* karangan **Usman ibn Said al-Daniy**
- 3) *Manar al-Huda* karangan **Ahmad ibn Abd al-Karim al-Asymuniy**
- 4) *Al-Maqсад li Talqis ma fi al-Mursyid* karangan **Zakaria ibn Muhammad al-Ansariy**

Berikut adalah rumusan daripada kajian dan himpunan pandangan mereka berkaitan tempat-tempat yang dikatakan Waqaf Jibril:

No.	Tempat Waqaf Jibril	Al-Sajawandy	Al-Daniy	Al-Asymuniy	Al-Ansariy
1	﴿قُلْ صَدَقَ اللَّهُ﴾ [آل عمران: 95]	-	Kafi	Hasan	Kafi
2	﴿وَلِكُلِّ وُجْهَةٍ هُوَ مَوْلِيهَا فَاسْتَغِيثُوا﴾ ﴿الْحَيَّرْتِ﴾ [البقرة: 148]	Mutlak	Kafi	Hasan	Hasan
3	﴿وَلَكِنْ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ﴾ ﴿فَاسْتَغِيثُوا الْحَيَّرْتِ﴾ [المائدة: 48]	Mutlak	Akfa	Hasan	Hasan
4	﴿قَالَ سُبْحٰنَكَ مَا يَكُونُ لِي أَنْ﴾ ﴿أَقُولَ مَا لَيْسَ لِي بِحِجَّتِي﴾ [المائدة: 116]	Mutlak	Kafi	Hasan	Kafi
5	﴿قُلْ هٰذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ﴾ [يوسف: 108]	-	Kafi	Hasan	Hasan
6	﴿كَذٰلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ﴾ [الرعد: 17]	Mutlak	Tam	Tam	Tam
7	﴿وَالأَنعَمَ خَلَقَهَا﴾ [النحل: 5]	Jaiz	Kafi	Kafi	Hasan

8	﴿أَقْمَنَ كَانَ مُؤْمِنًا كَمَن كَانَ فَاسِقًا﴾ [السجدة: 18]	Mutlak	-	Jaiz	-
9	﴿ثُمَّ أَدْبَرَ يَسْعَى﴾ فَحَشَرَ ﴿ [النازعات: 22-23]	-	-	Jaiz	-
10	﴿لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ﴾ [القدر: 3]	Mutlak	Kafi	Kafi	Hasan
11	﴿أَكْأَنَ لِلنَّاسِ عَجَبًا أَنْ أَوْحَيْنَا إِلَى رَجُلٍ مِّنْهُمْ أَنْ أَنْذِرِ النَّاسَ﴾ [يونس: 2]	-	-	Hasan	-
12	﴿وَلَا يَجْزِيكَ قَوْلُهُمْ﴾ [يونس: 65]	Lazim	Kafi	Atam	Tam
13	﴿وَلَقَدْ نَعَلْنَا أَنَّهُمْ يَقُولُونَ إِنَّمَا يُعَلِّمُهُ بَشَرٌ﴾ [النحل: 103]	Mutlak	Kafi	Tam	Tam
14	﴿وَكَذَلِكَ حَقَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّهُمْ أَصْحَابُ النَّارِ﴾ [غافر: 6]	Lazim	Tam	Tam	Tam
15	﴿وَرَادُ قَالَ لَقَمْنُن لَاتَبِيَهُ وَهُوَ يَعِظُهُ﴾ يُبَيِّنُ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ ﴿ [القمان: 13]	Mutlak	-	Kafi	-
16	﴿تَنَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِنْ كُلِّ أَمْرٍ﴾ [القدر: 4]	Jaiz	Kafi	Kafi	Kafi
17	﴿فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَأَسْتَغْفِرْهُ﴾ [النصر: 3]	Mutlak	Kafi	Kafi	Kafi
18	﴿وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ﴾ [البقرة: 197]	Mutlak	Tam	Tam	Tam
19	﴿وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ﴾ [آل عمران: 7]	Lazim	Tam (khilaf)	Khilaf salaf & khalaf	Tam (khilaf)
20	﴿مِنْ أَجْلِ ذَلِكَ﴾ [المائدة: 32]	Jaiz	Tamam	Jaiz	Tam (khilaf)
21	﴿قُلْ إِي وَرَبِّ إِنَّهُ لِحَقٌّ﴾ [يونس: 53]	-	Tam	Tam	Tam

Berdasarkan jadual di atas, dapat disimpulkan terdapat tempat-tempat yang tidak dinyatakan hukum waqaf padanya dalam sebahagian kitab yang dikaji. Hanya al-Asymuniy dalam kitabnya *Manar al-Huda* yang menyatakan hukum pada keseluruhan tempat-tempat Waqaf Jibril, ini kerana beliau merupakan orang pertama yang menukulkan mengenai Waqaf Jibril.

Terdapat empat (4) tempat daripada tempat-tempat Waqaf Jibril merupakan *Ra's ul-Ayah* yang bermakna hujung ayat, iaitu pada surah ar-Ra'd: 17, Ghafir: 6, al-Qadr: 3 & 4. Dan

sebahagian ulama' mengatakan waqaf pada *Ra's ul-Ayah* adalah sunnah.¹ Al-Baihaqi memilih waqaf pada *Ra's ul-Ayah* dan Abu A'mr al-Basri berkata: "Ia lebih aku sukai" berdalilkan hadis riwayat at-Tarmizi, Abu Daud & Ahmad dalam Musnad:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ، قَالَتْ: "كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْطَعُ قِرَاءَتَهُ يَقْرَأُ: (الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ) ثُمَّ يَقِفُ،
(الرَّحْمَنُ الرَّحِيمِ) ثُمَّ يَقِفُ".²

Bermaksud: "Daripada Umm Salamah r.a: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w memutuskan bacaannya, beliau membaca (الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ) kemudian berhenti, (الرَّحْمَنُ الرَّحِيمِ) kemudian berhenti".

Dan terdapat juga tiga (3) tempat yang dihukum oleh al-Sajawandy dalam kitabnya *I'lal al-Wuquf* sebagai Lazim, iaitu pada ﴿وَمَا يَعْزِمُكَ قَوْلُهُمْ﴾ surah Ali Imran: 7, ﴿وَلَا يَحْزِنَكَ قَوْلُهُمْ﴾ surah Yunus a.s: 65 dan ﴿أَنْتُمْ أَصْحَابُ النَّارِ﴾ surah Ghafir: 6 (dan merupakan *Ra's ul-Ayah*). Waqaf Lazim adalah tempat yang dimestikan dan dilazimkan kepada pembaca al-Quran menghentikan bacaan kerana mengelak daripada berlaku salah faham makna ketika dibaca secara wasal/bersambung.

Manakala lima belas (15) tempat yang dihukum Mutlak atau Tam/semipurna atau Atam/lebih sempurna oleh Qurra' berdasarkan dapatan di atas. Waqaf Mutlak di sisi as-Sajawandy sama ertinya dengan waqaf Tam iaitu waqaf pada jumlah ayat yang sempurna makna dan *i'rabnya*. Waqaf ini merupakan tempat waqaf terbaik untuk pilihan pembaca kerana ia selamat daripada unsur keraguan yang boleh membawa kepada salah anggap terhadap al-Quran kepada pendengar yang mendengar bacaannya.

Hanya waqaf pada ﴿أَنْ أَنْذِرِ النَّاسَ﴾ surah Yunus a.s: 2, hukumnya Hasan dan waqaf pada ﴿ثُمَّ أَدْبَرَ يَسْعَى﴾ surah an-Naziat: 23, hukumnya Jaiz dinyatakan oleh al-Asymuniy dalam kitabnya *Manar al-Huda*. Manakala kitab lain tidak menyebut kedua-dua tempat ini sebagai tempat waqaf. Walaupun kedua-dua tempat ini agak lemah dari segi kekuatan waqafnya tetapi tiada ulama' yang menghalang waqaf padanya.

¹ Lihat النشر, ms 226.

² Sunan at-Tarmizi: 2927, Sunan Abu Daud: 4001, Musnad Ahmad: 26470.

Dan tempat selebihnya waqaf Kafi yang merupakan tempat yang cukup lafaz serta *i'rab* pada jumlah ayat walaupun belum sempurna kisah. Hukum waqaf padanya harus dan tidak perlu mengulangi lafaz yang sebelumnya.

Kesimpulan

Sesungguhnya ilmu Waqaf dan Ibtida' merupakan ilmu yang luas perlu kepada kepelbagaian ilmu terutamanya ilmu Bahasa Arab dan Tafsir kerana khilaf pada kedua-dua ilmu ini akan menyebabkan perbezaan pada penentuan hukum waqaf. Bahkan kita dapati dalam kajian yang ringkas ini, berlaku khilaf diantara Qurra' pada tempat-tempat Waqaf Jibril.

Secara hukumnya, tiada halangan bagi pembaca mewaqafkan bacaan ayat al-Quran pada tempat-tempat Waqaf Jibril yang dinukilkan dalam tiga kitab tersebut di atas, kerana kesemua tempat-tempat Waqaf Jibril tersebut cukup elok jika diwaqafkan. Empat (4) tempat daripadanya merupakan *Ra's ul-Ayah*/hujung ayat, tiga (3) tempat waqaf Lazim, lima belas (15) tempat waqaf Mutlak atau Tam/sepurna. Hanya satu (1) tempat waqaf hasan, dan selebihnya waqaf Kafi dan Jaiz.

Cuma dari sudut penisbahan kepada Nabi s.a.w dengan mengatakan ianya 'Waqaf Sunnah' atau nisbah kepada malaikat Jibril a.s boleh dipertikai. Ini kerana, orang menukilkannya bukan sahaja tidak mendatangkan sanad yang bersambung, bahkan as-Sakhawi yang disandarkan Waqaf Jibril ini kepadanya merupakan seorang yang samar-samar dan tidak diketahui. Adakah yang dimaksudkan Alim ud-Din as-Sakhawi (w: 643H) atau Syams ud-Din as-Sakhawi (w: 902H)? Apabila dirujuk pada karangan dua tokoh yang masyhur ini, tidak didapati maklumat sama. Atau as-Sakhawi yang lainnya? Wallahu A'lam.

Pada pandangan kami, tidak mengapa dikekalkan nama 'Waqaf Jibril' pada tempat-tempat yang dinukilkan dalam tiga kitab tersebut di atas kerana berbaik sangka kepada Imam al-Asymuniy yang mendakwa ini merupakan ilmu Ladunni kurniaan Allah s.w.t kepada hambanya yang dikehendaki. Tetapi berhati-hati daripada mengatakan ianya 'Waqaf Nabi s.a.w', dikhuatiri kita berdusta atas nama Nabi s.a.w.

Rujukan

Mushaf al-Quran

- Abdul Muhaimin Ahmad, Dr. Sabri Muhammad, Dr. Haziyah Husin (2016), *مصطلحات الوقف عند السجاوندي وموازنتها عند رأي الجمهور*, Jurnal al-Turath (UKM).
- Al-Ansary, Abu Yahya Zakaria bin Syaraf (2006), *al-Maqsd li Talqis ma fi al-Mursyid*, Riyad: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Dani, Usman bin Said al-Andalusi (1987), *al-Muktafa fi il-Waqf wa al-Ibitida'*, Beirut: Muassasat ur-Risalah.
- Al-Khusory, Mahmud bin Khalil (2002), *Ma'alim ul-Ihtida' Ila Ma'rifat il-Wuquf wa al-Ibitida'*, Kaherah: Maktabat us-Sunnah.
- Al-Mursofiy, Abdel Fattah al-Sayyid U'jmiy (1980), *Hidayat ul-Qari ila Tajwid Kalam il-Bari*, Kaherah: Dar ul-Majd il-Islam.
- Al-Sakhawi, A'lam ul-Din Ali bin Muhammad bin Abdel Somad (2010), *Jamal ul-Qurra' wa Kamal ul-Iqra'*, Tanta, Dar al-Sahabah.
- Al-Sajawandiy, Muhammad bin Toifur al-Ghaznawy (2006), *I'lal ul-Wuquf*, Riyad: Maktabah al-Rusyd.
- Dr. Ahmad Tolabah (2020), *Mushaf: al-Waqf a'la Kalimat il-Quran*, Hadr ul-Maut, Dar Mirath un-Nabawi.
- Dr. Abdel Karim Ibrahim I'wad Soleh (2014), *al-Waqf wa libtida'*, Kaherah: Dar ul-Salam.
- Dr. Ismail Sadiq Abdel Rahim (2008), *al-Waqf ul-Mamnu'fi il-Quran il-Karim*, Kaherah: Darul Basair.
- Ibn al-Jazary, Muhammad bin Muhammad Bin Muhammad, *an-Nasr fi il-Qiraat il-A'syr*, Mesir: Matba'at Mustafa Muhammad.
- Ibn al-Jazary, Muhammad bin Muhammad Bin Muhammad (2004), *Matn: al-Muqaddimat ul-Jazariyyah*, Kaherah: Maktabah Aulad us-Syeikh.
- Ibn al-Jazary, Muhammad bin Muhammad Bin Muhammad (2006), *at-Tahid fi Ilm it-Tajwid*, Tanta, Dar al-Sahabah.
- Mulla Ali bin Sultan Muhammad al-Qari (2013), *al-Minah ul-Fikriyyah fi Syarh il-Muqaddimah il-Jazariyyah*, Kaherah: Darul Salam.